

# PERANAN PROGRAM PENGANTARABANGSAAN SEBAGAI PENANDA ARAS DALAM PENGUKUHAN KEMAMPMANAN PENGURUSAN ORGANISASI: ASEAN EDUCATIONAL EXPEDITION 2024

**THE ROLE OF INTERNATIONAL PROGRAMS AS A BENCHMARK IN STRENGTHENING ORGANIZATIONAL MANAGEMENT SUSTAINABILITY: ASEAN EDUCATIONAL EXPEDITION 2024**

**Muhammad Noor Al-Amin Mohd Akram<sup>1</sup>**  
**Izuan Izzaidi Azmi<sup>1</sup>**  
**Firdaus Chek Sulaiman<sup>1</sup>**  
**Adam Luqman Mazufil Hanim<sup>1</sup>**  
**Putra Darwish Mohd Kamil<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor  
Email: 2022856486@student.uitm.edu.my

<sup>1</sup>Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor  
Email: izuan124@uitm.edu.my

<sup>1</sup>Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor  
Email: firdaus8145@uitm.edu.my

<sup>1</sup>Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor  
Email: 2022@student.uitm.edu.my

<sup>1</sup>Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor  
Email: 2022813108@student.uitm.edu.my

\*corresponding author

## Article history

**Received date** : 2-8-2024  
**Revised date** : 3-8-2024  
**Accepted date** : 2-9-2024  
**Published date** : 30-9-2024

## To cite this document:

Mohd Akram, M. N. A., Azmi, I. I., Sulaiman, F. C., Hanim, A. L. M., & Mohd Kamil, P. D. (2024). Peranan Program Pengantarabangsaan Dalam Pengukuhan Pengurusan Organisasi: Asean Educational Expedition 2024. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (66), 283 – 290.

**Abstrak:** Program pengantarabangsaan adalah suatu medium yang berkesan dalam memperkuuhkan kemampunan pengurusan organisasi yang lebih kompetitif dan sebagai penanda aras bagi mencapai sinergi kepimpinan yang optimum di kalangan mahasiswa. Menerusi Program Asean Educational Expedition 2024 ini, ia bertujuan untuk mendedahkan kepimpinan mahasiswa kepada dunia luar berkaitan jalinan dan pertukaran idea mengenai pengurusan dan pelaksanaan aktiviti mahasiswa merangkumi beberapa universiti terkemuka di Indonesia. Sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025, Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman Teratai Sesi 2024/2025 telah menyahut cabaran ini selaras dengan kehendak UiTM menjadi universiti yang terulung dipersada global. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti cabaran dalam mengurus tadbir sistem pengurusan dan pelaksanaan aktiviti pelajar di peringkat kolej kediaman Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Hasil kajian yang

dilakukan melibatkan 13 orang pelajar Jawatankuasa Perwakilan Kolej Teratai Sesi 2024/2025. Data yang diperoleh adalah daripada kerjasama di antara pihak pengurusan Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Universitas Internasional Batam dan Universiti Nagoya Indonesia. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembentukan sistem pengurusan mahasiswa yang lebih efisien dan pelaksanaan aktiviti mahasiswa yang lebih berdaya saing, berkeyakinan tinggi dan proaktif dalam program yang dianjurkan. Selain itu, ia juga dapat mendorong kepada penerapan strategi yang berkesan melalui aktiviti dan program yang dilaksanakan kepada mahasiswa supaya dijadikan sebagai amalan pengurusan yang lebih lestari dan cekap, bagi jangka masa panjang.

**Kata kunci:** penanda aras, kemampunan, pengurusan organisasi

**Abstract:** *The internationalization program is an effective medium for strengthening the sustainability of organizational management that is more competitive and serves as a benchmark for achieving optimal leadership synergy among students. Through the ASEAN Educational Expedition Program 2024, it aims to expose student leadership to the outside world regarding the networking and exchange of ideas on the management and implementation of student activities involving several leading universities in Indonesia. In line with the UiTM Strategic Plan 2025, the Teratai Residential College Representative Committee for the 2024/2025 session has embraced this challenge in accordance with UiTM's aspiration to become a leading university on the global stage. This study was conducted to identify the challenges in managing the management system and the implementation of student activities at the residential college level of Universiti Teknologi MARA Shah Alam. The study involved 13 students from the Teratai College Representative Committee for the 2024/2025 session. The data obtained is from the collaboration between the management of Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Universitas Internasional Batam, and Universitas Nagoya Indonesia. The results of this study are expected to contribute to the formation of a more efficient student management system and the implementation of student activities that are more competitive, confident, and proactive in the programs organized. In addition, it can also encourage the implementation of effective strategies through activities and programs carried out for students, so that they become practices of more sustainable and efficient management in the long term.*

**Keywords:** benchmark, sustainability, organizational management

---

## Pengenalan

Universiti merupakan institusi pendidikan tinggi yang memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat. Universiti mempunyai tanggungjawab untuk memenuhi keperluan masyarakat masa kini yang semakin kompetitif (Emilia, 2022). Salah satu cara untuk memenuhi tanggungjawab ini adalah dengan menawarkan program pengantarabangsaan yang dapat meningkatkan kemampunan pengurusan dalam organisasi universiti. Selain itu, program pengantarabangsaan juga dapat meningkatkan kemahiran insaniah pelajar seperti komunikasi antara budaya, pemikiran kritis, dan penyelesaian masalah (Corputty & Fadillah, 2022) (Kurniawan et al., 2022). Kemahiran ini amat diperlukan dalam permintaan pasaran pekerjaan yang semakin mencabar (Emilia, 2022). Oleh itu, program pengantarabangsaan merupakan satu mekanisma yang penting dalam pengukuhan kemampunan pengurusan organisasi universiti. Pelaksanaan program ini dapat melahirkan graduan yang lebih bersifat global dan berdaya saing dengan universiti antarabangsa.

Cabaran pihak pengurusan universiti adalah bertanggungjawab untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan dan kemampunan pengurusan organisasi berada dalam persekitaran kampus yang kondusif. Antara inisiatif yang boleh dilaksanakan adalah melalui penerokaan program pengantarabangsaan sebagai penanda aras untuk meningkatkan kemampunan pengurusan organisasi di peringkat universiti, khususnya dalam konteks pengurusan kolej kediaman (Izziyana et al., 2023). Program pengantarabangsaan di universiti memainkan peranan penting dalam memupuk interaksi antara pelajar pelbagai bidang pengajian melalui medium pertukaran idea (Nabtalian & Saibeh, 2022) (Kurniawan et al., 2022). Hal ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan keupayaan pengurusan kolej kediaman universiti untuk menangani isu yang melibatkan kepelbagaian budaya dan latar belakang pelajar. (Yusuf & Mabagits, 2020) Selain itu, penglibatan dalam program pengantarabangsaan telah terbukti dapat meningkatkan kemahiran komunikasi, kepimpinan dan pemikiran kritis pelajar (Millaningtyas, 2023). Bagi memperkuuhkan kemampunan pengurusan organisasi kolej kediaman, pelaksanaan program pengantarabangsaan mempunyai pelbagai cabaran seperti peruntukan dana, kelestarian program dan penglibatan pihak berkepentingan (Ari & Satria, 2021) (Bhakti et al., 2022).

Penemuan kajian sebelum ini telah menunjukkan bahawa kepuasan dan pengalaman pihak berkepentingan terutamanya pelajar merupakan faktor kritis dalam menentukan kemampunan pengurusan organisasi di universiti (Dudung, 2017). Oleh itu, pihak pengurusan kolej kediaman perlu cakna melalui program pengantarabangsaan yang telah dilaksanakan memenuhi keperluan dan pihak berkepentingan dengan berkesan. Di samping itu, sistem pengurusan yang berdasarkan prestasi turut memainkan peranan penting dalam menyokong kemampunan pengurusan organisasi universiti (Lorensius et al., 2021). Pihak pengurusan kolej kediaman dapat meningkatkan keberkesanan dan kecemerlangan operasi secara berterusan. Secara keseluruhannya, peranan program pengantarabangsaan membentuk mahasiswa yang holistik merangkumi pelbagai dimensi seperti cekap dan berfikiran kritis.

### Tujuan & Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan program pengantarabangsaan sebagai penanda aras dalam pengukuhan kemampunan pengurusan organisasi mahasiswa kolej kediaman universiti. Secara khusus, objektif kajian ini adalah:

1. Mengkaji peranan pengurusan kolej kediaman universiti dalam pelaksanaan program pengantarabangsaan di kalangan kepimpinan mahasiswa.
2. Memahami kaedah pelaksanaan sistem pengurusan hal ehwal pelajar berdasarkan prestasi di peringkat kolej kediaman.
3. Mengenal pasti cabaran dan strategi dalam memastikan pengukuhan peranan program pengantarabangsaan meliputi mahasiswa dan sistem pengurusan kolej kediaman.

Kajian lepas mendapati bahawa penglibatan aktif mahasiswa dapat membantu meningkatkan kemampunan pengurusan organisasi kolej kediaman (Sudrajat et al., 2022). Dengan memanfaatkan kepakaran dan pengetahuan pelajar yang terlibat, pihak pengurusan kolej dapat merealisasikan program dan aktiviti yang lebih berkesan terhadap keperluan pelajar (Putra et al., 2021). Di samping itu, penglibatan pelajar dalam proses membuat keputusan amat penting bagi mencapai kemampunan pengurusan organisasi yang lebih efektif.

## Kajian Literatur

### **Universitas Internasional Batam dan Universitas Nagoya Indonesia Sebagai Penanda Aras Pengurusan & Pelaksanaan Aktiviti Mahasiswa**

Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah institusi pengajian tinggi yang terkenal di Malaysia dan memegang peranan penting dalam menyediakan pendidikan berkualiti bagi pelajar kaum Melayu dan bumiputera. Sebagai sebuah universiti yang komited dalam memastikan tahap kebolehpasaran graduan yang tinggi, UiTM telah menjalankan pelbagai inisiatif untuk menangani isu-isu yang mempengaruhi pengangguran siswazah (Yahaya et al., 2017). Selain itu, pihak universiti juga telah menetapkan indikator prestasi utama yang mensasarkan peratusan graduan yang telah bekerja atau memulakan perniagaan sendiri sejak tamat pengajian (Yahaya et al., 2017). Dalam konteks ini, UiTM telah menjalankan program kolaborasi bersama dua universiti di Batam, Indonesia iaitu Universitas Nagoya Indonesia (UNI) dan Universitas Internasional Batam (UIB).

Landskap pendidikan tinggi yang dinamik dan kepentingan pembangunan kepimpinan yang berkesan (Hutabarat et al., 2022) dapat menyediakan pelajar menjadi pemimpin masa depan yang boleh mengharungi cabaran dan memupuk perubahan positif. (Rashid et al., 2022) Program yang dijalankan di Batam, adalah sebagai satu platform penanda aras untuk memupuk sinergi kepimpinan yang optimum dalam kalangan pelajar.

### **Peranan Sistem Pengurusan Berasaskan Prestasi**

Peranan sistem pengurusan berasaskan prestasi dalam menyokong kemampuan pengurusan organisasi kolej kediaman di UiTM adalah penting dalam memastikan efisiensi dan keberkesaan sistem pengurusan. Oleh itu, sistem pengurusan berasaskan prestasi memudahkan pemantauan dan penilaian kerja pelbagai komponen dalam pengurusan kolej kediaman, seterusnya membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang diperlukan (Yunita, 2022) (Ngindana et al., 2020). Selain itu, sistem ini juga dapat menyumbang kepada peningkatan motivasi dan semangat kerja warga kolej, justeru meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan yang diberikan(Noor, 2022).

Selain itu, amalan sistem pengurusan berasaskan prestasi dalam organisasi kolej kediaman membantu meningkatkan pencapaian matlamat organisasi menerusi peningkatan tahap kompetensi, motivasi, dan prestasi kakitangan (Alam, 2018) (Robby, 2019). Dengan demikian, sistem pengurusan berasaskan prestasi memainkan peranan penting dalam mengukuhkan keupayaan organisasi kolej kediaman untuk mencapai matlamatnya secara berterusan. Peranan Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman (JPK) dan pihak pengurusan kolej juga penting dalam memastikan sistem pengurusan berasaskan prestasi dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu, sistem pengurusan kolej menepati objektif yang strategik bagi menyediakan sumber yang mencukupi, dan memantau pelaksanaannya secara kerap. Selain itu, penglibatan pelajar dalam proses ini juga penting untuk memastikan kerjasama dan pemahaman yang mantap.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif yang diperoleh melalui kajian lapangan dan analisis dokumen penting. Hal ini akan membincangkan kaedah kajian berkenaan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti mahasiswa yang diguna pakai oleh Universitas Internasional Batam, Universitas Nagoya Indonesia, dan Universiti Teknologi MARA.

Program pengantarabangsaan yang dijalankan selama 5 hari di Batam, Indonesia ini telah memberikan pendedahan kepada JPK Kolej Kediaman Teratai tentang struktur organisasi mahasiswa. Organisasi Mahasiswa atau lebih dikenali sebagai ORMAWA merupakan organisasi mahasiswa di Universitas Internasional Batam. Peranan organisasi ini bertanggungjawab dalam perihal kurikulum dan akademik pelajar merangkumi keterlibatan mahasiswa dalam aktiviti program yang dianjurkan oleh pihak kelab dalam universiti tersebut. Selain itu, organisasi Himpunan Mahasiswa Program Studi (HMPS) memainkan peranan menerusi peringkat akademik yang merangkumi 9 buah jurusan akademik yang ditawarkan. Manakala Unit Kegiatan Mahasiswa (UKM) menyentuh kepada bahagian kurikulum mahasiswa yang merangkumi 5 kegiatan utama iaitu keagamaan, sosial, kesenian, olahraga, dan kesusasteraan.

Pengurusan pelajar di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dikendali oleh organisasi mahasiswa di bawah Hal Ehwal Pelajar (HEP) iaitu Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang menguruskan kebajikan pelajar secara menyeluruh. Manakala, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dan Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) menguruskan perihal dan aktiviti program di peringkat kolej kediaman dan fakulti. Organisasi mahasiswa di UiTM ini berperanan dalam mengerakkan keterlibatan pelajar dalam mencungkil bakat dan kemahiran insaniah yang akan membentuk jati diri yang lebih berdaya saing.

### Dapatan Kajian

Sistem pengurusan mahasiswa di Batam mempunyai dua kaedah pelaksanaan iaitu di peringkat akademik dan kurikulum yang memainkan peranan penting dalam kebolehpasaran mahasiswa bagi membentuk bidang kerjaya masa hadapan. Pelaksanaan aktiviti program mahasiswa yang dijalankan hanya pada hujung minggu iaitu hari Sabtu dan Ahad.

Aktiviti pembangunan pelajar di Universiti Teknologi MARA (UiTM) pula diuruskan di peringkat Hal Ehwal Pelajar (HEP) merangkumi kolej kediaman dan fakulti. Program aktiviti mahasiswa di peringkat kolej kediaman menggunakan sistem e-merit bagi penglibatan mahasiswa menyertai aktiviti yang dianjurkan.

Dari kajian lapangan yang dijalankan di kedua-dua universiti Batam, Indonesia, didapati bahawa pelaksanaan sistem e-merit juga dijalankan seperti yang diterapkan oleh UiTM Shah Alam. UIB dan UNI dari Batam, Indonesia menerapkan penggunaan e-merit bertujuan untuk mencapai standard dalam kebolehpasaran bidang kerjaya mahasiswa tersebut. Pengiraan e-merit mahasiswa perlu meraih sejumlah 100 merit dalam aktiviti yang disertai di peringkat universiti yang akan dikira bermula awal kemasukan pelajar sehingga graduan akhir.

Manakala, program meliputi penglibatan pelajar di UiTM Shah Alam peringkat fakulti diuruskan oleh Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) dan di peringkat kolej yang diuruskan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK). Mahasiswa yang mengikuti aktiviti program peringkat kolej kediaman dan fakulti perlu berusaha dalam meraih merit persendirian untuk meningkatkan kemahiran insaniah dan mengasah bakat dalam bidang yang diceburi. Tambahan pula, mahasiswa kebanyakannya akan mengikuti aktiviti program peringkat kolej kediaman kerana merit yang ditawarkan adalah untuk memastikan mendapat penempatan kolej kediaman setiap semester. Persaingan yang sengit untuk mendapat penempatan kolej kediaman adalah berdasarkan skor merit yang tertinggi.

Seterusnya, struktur organisasi kemahasiswaan yang berlainan juga dapat dikenal pasti antara dua buah negara juga. UIB dan UNI di Batam, Indonesia mempunyai Organisasi Mahasiswa

(ORMAWA) yang merupakan struktur organisasi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan hal ehwal pelajar. Selain itu, organisasi Himpunan Mahasiswa Program Studi (HMPS) memfokuskan keterlibatan pelajar di peringkat akademik dan Unit Kegiatan Mahasiswa (UKM) menjurus kepada aktiviti kurikulum pelajar. Hal ini dapat dilihatkan bahawa penglibatan pelajar adalah di peringkat utama dan aktiviti program adalah berbentuk berpusat.

Selain itu, UiTM Shah Alam khususnya organisasi mahasiswa seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bertindak menguruskan kebijakan mahasiswa secara menyeluruh dan menjadi induk utama dalam menyampaikan suara mahasiswa. Bagi merealisasikan ketampakan mahasiswa diperingkat fakulti, Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) memainkan peranan dalam mengerakkan aktiviti dan program pelajar melalui persatuan dalaman mengikut bidang pengajian. Bagi pelajar yang tinggal di kolej kediaman, segala aktiviti yang dijalankan diterajui oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) yang bertindak sebagai pemacu penganjuran program pelajar yang dilaksanakan. Peringkat pengurusan kolej kediaman UiTM Shah Alam merangkumi 8 buah kolej kediaman terdiri daripada 4 buah kolej kediaman lelaki iaitu Kolej Kediaman Meranti, Kolej Kediaman Teratai, Kolej Kediaman Perindu, dan Kolej Kediaman Delima dan 4 buah kolej kediaman siswi iaitu Kolej Kediaman Mawar, Kolej Kediaman Melati, Kolej kediaman Seroja, dan Kolej Kediaman Anggerik serta Non-Residen bagi pelajar-pelajar yang tinggal di luar kawasan UiTM Shah Alam.

Seterusnya, perbezaan Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dijalankan di UNI dan UIB di Batam, Indonesia adalah berbeza berbanding di UiTM Shah Alam. Sesi pembelajaran yang bermula pada jam 6.00 petang sehingga 12.00 tengah malam manakala di UiTM Shah Alam, waktu pembelajaran dan pengajaran bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang. Hal ini kerana budaya di Batam, Indonesia menjadikan waktu malam adalah aktiviti kegiatan kehidupan harian mereka bermula kerana waktu pagi adalah untuk bekerja atau menjalankan rutin harian.

Manalaka, di peringkat UiTM Shah Alam atau Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain menjadikan waktu pagi sebagai Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Hal ini kerana mod pengajian di Malaysia terbahagi kepada sepenuh masa dan pembelajaran jarak jauh (PJJ). Tambahan juga, mahasiswa yang mengambil pembelajaran jarak jauh adalah terdiri daripada pelajar yang menyambung pengajian meliputi di peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Bagi aktiviti dan program mahasiswa, ianya dijalankan sepanjang minggu mengikut ketetapan takwim yang telah direncana pada awal pembukaan semester.

### **Perbincangan Dan Cadangan**

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dibincangkan, pemerkasaan sistem e-merit lebih tertumpu kepada aktiviti mahasiswa di peringkat kolej kediaman. Oleh itu, pelaksanaan sistem e-merit di peringkat fakulti akademik perlu diselaraskan juga kerana mampu memberikan impak yang besar dalam pembangunan diri para pelajar. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan UiTM yang lebih kompetitif dan hebat dalam menceburi bidang pengajian yang diceburi.

Inisiatif yang boleh dilakukan adalah dengan menerapkan Sijil Kemahiran Insaniah yang mempunyai nilai kemahiran yang tinggi dan penambahbaikan pada nilai kualiti resume pelajar. Sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2020-2025, adalah penting untuk mengimplikasikan usaha ini kerana dapat melahirkan graduan UiTM yang berkualiti dan dapat

menaikkan nama universiti dipersada antarabangsa. Seterusnya, sistem pemprosesan data pelajar dalam aktiviti pembangunan perlu dipertingkatkan selari dengan pengurusan pembangunan hal ehwal pelajar dan akademik. Hal ini terbukti apabila UNI dan UIB dapat menerapkan konsep ini di universiti dan banyak industri luar melabur bersama dalam melahirkan graduan yang menepati pasaran kerjaya. Hal ini seterusnya menjayakan usaha universiti tersebut dalam menghasilkan graduan yang berjaya kebolehpasaran. Oleh yang demikian, usaha ini adalah penting dalam membantu mahasiswa mencapai pilihan kerjaya menepati keperluan pasaran.

Oleh itu, pengurusan sistem pemprosesan data pelajar dalam aktiviti pembangunan pelajar perlu menerapkan keutamaan peranan dalam kebolehpasaran graduan juga kerana membantu mahasiswa dalam meraih impian kerjaya idaman. Hal ini juga dapat memastikan sistem pemprosesan data pelajar dalam aktiviti pembangunan pelajar mencapai ketetapan baharu yang mana dapat memberi kesan kepada industri tempatan bagi membentuk Malaysia ke arah yang lebih kompetitif dan hebat diperingkat global. Tambahan pula, penambahbaikan ini juga dapat mengurangkan isu kekurangan kemahiran pelajar dan peratusan pengangguran yang semakin meningkat.

### Penghargaan

Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman Teratai sesi 2024/2025, pihak pengurusan Kolej Kediaman Teratai serta Staf Residen Kolej (SRK), Kolej Kediaman Teratai kerana telah membantu sepanjang kajian ini dilaksanakan. Seterusnya, tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan semangat dan sokongan moral secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menyiapkan kajian ini.

### Rujukan

- Emilia, H. (2022, March 2). Bentuk Dan Sifat Pengabdian Masyarakat Yang Diterapkan Oleh Perguruan Tinggi. , 2(3), 122-130. <https://doi.org/10.37567/pkm.v2i3.1127>
- Corputty, P. , & Fadillah, A N. (2022, September 30) . Peningkatan Pengetahuan Dan Mengasah Kemampuan Anggota Unit Kegiatan Mahasiswa Peradilan Semu. , 2(2), 69-69. <https://doi.org/10.47268/aiwadthu.v2i2.987>
- Kurniawan, A., Rosyada, I A., Salsabila, S., & Hidayati, B S. (2022, December 29). Proses Komunikasi dan Manajemen Humas UIN Mataram dalam Menguatkan Branding Kampus. , 6(2), 134-146. <https://doi.org/10.58518/alamtara.v6i2.1152>
- Izziyana, W V., Rimbawan, A Y., Hardian, H., Sari, R M., & Budiwati, S S. (2023, June 30). Penyuluhan Hukum Tentang Bahaya dan Dampak Bullying di Madrasah Aliyah Nurul Firdaus. Universitas Muhammadiyah Magelang, 4(1), 37-43. <https://doi.org/10.31603/bjls.v4i1.8560>
- Nabtalian, N., & Saibeh, B. (2022, December 15). Education And Social Networkof Stateless Children In Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, Semporna Sabah. , 7(48), 393-410. <https://doi.org/10.35631/ijepc.748030>
- Yusuf, K., & Mabagits, S. (2020, August 21). Does activeness in organization improve English speaking skill? : University students' perspective. Lembaga Publikasi Ilmiah dan Penerbitan (LPIP) Universitas Muhammadiyah Purwokerto, 14(2), 73-73. <https://doi.org/10.30595/lks.v14i2.7383>
- Millaningtyas , R. (2023, June 30) . Canva application training as amarketing digitalization medium for smes in dinoyo village. Lancang Kuning University, 7(3), 878-887. <https://doi.org/10.31849/dinamisia.v7i3.14524>

- Ari, A., & Satria, T G. (2021, February 15). Pelatihan Pengembangan Soal Model Asesmen High Order Thinking Skills (HOTS) Untuk Guru Gugus 8 KKG SD Lubuklinggau Timur II Kota Lubuklinggau. , 1(1), 44-49. <https://doi.org/10.58466/literasi.v1i1.27>
- Bhakti, Y B. , Simorangkir, M R R. , Tjalla, A. , & Sutisna, A. (2022, September 14). Kendala implementasi kebijakan merdeka belajar kampus merdeka (MBKM) DI PERGURUAN TINGGI. , 8(2), 783-783. <https://doi.org/10.30998/rdje.v8i2.12865>
- Dudung, A. (2017, November 3). STUDI KEPUASAN STAKEHOLDER TERHADAP LAYANAN PROGRAM STUDI DI UNIVERSITAS NEGERI JAKARTA. , 4(02), 86-96. <https://doi.org/10.21009/jkkp.042.06>
- Lorensius, L. , Warman, W. , & Tresia, Y. (2021, July 8). Kajian Literatur: Implementasi Performance - Based Budgeting Pada Institusi Pendidikan Tinggi di Indonesia., 9(1), 118-131. <https://doi.org/10.47668/pkwu.v9i1.172>
- Sudrajat, T. , Sikki, N. , Nurbaiti, H. , & Putri, F K. (2022, August 31). EVALUASI KEBIJAKAN PENGEMBANGAN PROFESI DOSEN (STUDI KASUS JABATAN FUNGSIONAL AKADEMIK DOSEN PTS). , 9(2), 260-260. <https://doi.org/10.25157/dak.v9i2.8414>
- Putra, R A. , Dewi, P R. , Jalaludin, A. , & Amrullah, A M K. (2021, June 30). Strategi Pengembangan Kurikulum Perspektif Pendekatan Total Quality Management (Tqm) Di Pendidikan Tinggi. Universitas Pahlawan Tuanku Tambusai, 3(5), 2135-2145. <https://doi.org/10.31004/edukatif.v3i5.715>
- Yahaya, M A., Remeli, M F., Saad, N H., Ismaili, M H., & Kasalong, S. (2017, November 1) Factors Influencing Graduate Unemployment: English Proficiency. <https://doi.org/10.1109/weef.2017.8467088>
- Hutabarat, L. , Marhalinda, M. , & Moeins, A . (2022, February 1). The Model Of Leadership Based Character For Increasing. University Management Quality. , 3(3), 427-433. <https://doi.org/10.31933/dijemss.v3i3.1150>
- Noor, D G M. (2022, March 31). Pengaruh Motivasi Kerja Guru Terhadap Kinerja Guru Dalam Mewujudkan Capaian Hasil Belajar Siswa (Penelitian di MTs. Persis Tarogong Kecamatan Tarogong Kidul - Garut). , 5(01), 07-14. <https://doi.org/10.52434/jurnalkhazanahakademia.v5i01.81>
- Alam, Y . (2018, October 7) . Kompetensi Dosen , Motivasi Belajar Mahasiswa dan Dampaknya terhadap Prestasi Mahasiswa dalam Pembelajaran Pengantar Ekonomi (studi pada mahasiswa program studi Manajemen Informatika AMIK Bina Sriwijaya Palembang). , 16(1), 23-30. <https://doi.org/10.29259/jmbs.v16i1.6244>